



## Amalan yang Mulia

Daripada Abu Malik al-Harith bin Asim al-Asyaari RA, Rasulullah SAW bersabda:

الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمَلاً الْمِيزَانَ، وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمَلَّاً أَوْ تَمَلاً  
 مَا بَيْنَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، وَالصَّلَاةُ نُورٌ، وَالصَّدَقَةُ بُرْهَانٌ، وَالصَّابَرُ ضَيَاءٌ،  
 وَالْقُرْآنُ حُجَّةٌ لَكَ أَوْ عَلَيْكَ كُلُّ النَّاسِ يَغْدُو، قَبَائِعُ نَفْسَهُ، فَمَعْنَقُهَا أَوْ مُؤْبِقُهَا.

**Maksudnya:** “Bersuci sebahagian daripada iman. Ucapan Alhamdulillah memenuhi mizan (timbangan). Ucapan Subhanallah dan Alhamdulillah kedua-duanya memenuhi ruangan di antara langit dan bumi. Sembahyang adalah nur (cahaya). Sedekah adalah keterangan (bukti). Sabar memberikan cahaya. Al-Quran boleh menjadi hujah bagimu atau ke atasmu. Setiap manusia berusaha, maka dia menjual dirinya (sama ada kepada Allah dengan melakukan ketaatan atau kepada syaitan dan hawa nafsunya dengan dia melakukan maksiat dan kemurkaan Allah), maka ada yang membebaskannya (daripada kehinaan di dunia dan azab di akhirat) dan membinasakannya (dengan melakukan maksiat).

Riwayat Muslim (223)

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Hadis di atas mempunyai banyak keistimewaan, pengajaran dan faedah yang dapat diambil antaranya:

#### 1. Hikmah kebijaksanaan

Rasulullah SAW dikurniakan dengan kelebihan boleh berbicara menggunakan perkataan yang sedikit tetapi mengandungi pengertian yang luas dan mendalam.

Seringkali baginda SAW mengajukan nasihat kepada para sahabatnya dengan hanya menggunakan lafaz yang pendek, tetapi mengandungi galakan melakukan segala kebaikan dan tegahan daripada segala kejahatan.

Hadis ini mengandungi pengarahan yang indah, hikmat kenabian yang mendalam dan nasihat yang lahir daripada orang yang tidak berbicara mengikut hawa nafsu, bahkan semuanya adalah berdasarkan wahyu yang disampaikan kepadanya. Kami akan menerangkan tentang nasihat-nasihat itu pada lembaran-lembaran yang akan datang, insya Allah.

## **2. Bersuci dan pahalanya**

Bersuci adalah syarat sah ibadat dan tanda kecintaan kepada Allah SWT. Rasulullah SAW telah menjelaskan, bahawa dengan bersuci ianya dapat memberi ketenangan kepada kaum muslimin. Dengan badan dan pakaian yang dilakukannya oleh orang mukmin sebagai persediaan untuk bermunajat kepada Tuhan, adalah hasil yang nyata daripada kesan keimanannya.

## **3. Separuh daripada iman**


Rasulullah SAW menjelaskan bahawa pahala bersuci sama ada wuduk atau lainnya, adalah berlipat ganda sehingga menyamai ganjaran separuh daripada iman. Ini adalah kerana iman boleh menghapuskan kesalahan yang telah lalu sama ada kecil atau besar, manakala bersuci terutamanya wuduk menghapuskan segala kesalahan kecil yang terdahulu.

## **4. Bersuci adalah separuh solat**

Terdapat juga ulama yang mengatakan bahawa iman yang dimaksudkan di dalam hadis di atas ialah solat.

## **5. Wuduk anak kunci syurga**

Al-Quran menyebut bahawa orang-orang kafir memasuki neraka kerana mereka tidak menyertai saf orang-orang yang bersembahyang.



## 6. Kesucian hati

Kebersihan lahiriah tidak akan bermakna sekiranya tidak disertai oleh kebersihan maknawi. Oleh kerana itu, semestinya kebersihan tubuh badan disertai dengan kesucian hati, ketulusan niat, kesahihan matlamat dan kelurusuan amalan oleh setiap individu mukmin.

## 7. Zikir dan bersyukur kepada Allah

Sesungguhnya untuk menggambarkan kesyukuran kepada Allah ialah dengan memperbanyakkan zikir kepada-Nya, terutamanya dengan perkataan dan lafaz yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW. Pahala zikir ini akan memberatkan timbangan amalan kebaikan di hari kiamat dan akan mengatasi timbangan kejahanatan. Dengan sebab itu, orang yang banyak berzikir akan tergolong di kalangan mereka yang terselamat dan hampir dengan Allah SWT. Terutamanya jika puji-pujian itu disertai dengan penyucian, pembersihan, pengagungan dan pentauhidan terhadap Allah SWT.

## 8. Sabar itu ‘*Dhiyaa*’ (cahaya)

‘*Dhiyaa*’ ialah cahaya yang mengeluarkan bahang kepanasan dan boleh membakar, seperti cahaya matahari. Tidak seperti cahaya bulan yang hanya mempunyai cahaya tanpa membakar. Sabar adalah cahaya yang mengeluarkan bahang kepanasan dan boleh membakar kerana ia adalah suatu perkara yang membebankan terhadap diri. Ia memerlukan kepada *mujahadah* (kesungguhan) terhadap jiwa, menahan diri daripada perkara yang diingininya.

## 9. Al-Quran adalah hujah

Manhaj Muslim ialah al-Quran. Pemimpinnya adalah kitab Allah SWT. Dia mengambil petunjuk daripadanya, mematuhi perintah dan larangannya serta berakhhlak dengan akhlaknya. Oleh itu barangsiapa yang melakukan demikian, maka dia akan mendapat manfaat daripada al-Quran ketika membacanya dan menjadi penunjuk yang membawa kepada kejayaan di dunia dan *al-Burhan* (keterangan) yang mempertahankannya pada hari kiamat. Barangsiapa yang menyeleweng daripada jalan yang lurus dan pengajaran al-Quran, maka al-Quran akan menjadi musuhnya pada hari kiamat. Semakin banyak ia



membaca al-Quran tanpa beramal dengannya, maka semakin bertambahlah dosanya kerana al-Quran telah menjadi hujah terhadap dirinya sendiri bahawa dia telah menyeleweng daripada jalan yang lurus.


#### 10. Tiada jual beli melainkan kepada Allah SWT

Sesungguhnya orang-orang Mukmin adalah mulia, tinggi kedudukan dan mahal harganya. Oleh kerana itu dia tidak akan menjualkan dirinya melainkan kepada Allah SWT kerana dia tidak mendapat seorang makhluk pun yang mahu membelinya dengan harga yang sesuai dengannya. Oleh kerana itu, mereka sentiasa berusaha mendapatkan keredaan Allah SWT dan menjauhkan diri daripada semua perkara yang boleh menyebabkan kemurkaan-Nya, sehingga mereka mendapat harga penuh bagi diri mereka di sisi Tuhan mereka.

Inilah intipati daripada hikmah Rasulullah SAW walaupun ucapannya amat ringkas dan pendek tetapi ia merangkumi seluruh aspek kebaikan.

#### Mutiara Hikmah

- ❖ **Iman** terdiri daripada perkataan dan perbuatan. Ia boleh bertambah dengan sebab amalan salih dan ketaatan dan berkurang, dengan sebab maksiat dan dosa.
- ❖ **Pujangga berkata:** Terimalah diri kamu seadanya. Suatu hal yang sangat penting adalah proses berfikir yang kamu tempuh hingga anda perlu menentukan bahawa kamu menerima dirimu seadanya, hingga kamu yakin sekali bahawa kamu berbuat dengan jati diri anda, dan hingga kamu tidak mengabaikan kritikan yang mengganggu perasaanmu, iaitu sepanjang tetap berada di atas jalan yang benar. Ini kerana kebahagiaan itu akan tersisih dengan sendirinya ketika keraguan atau perasaan bersalah itu menguasai ruang fikiran anda.



## Kisah Teladan

Saad bin al-Rabi' R.Anhuma membaca doa: "Ya Allah, sesungguhnya aku berlepas diri dari segala perbuatan orang-orang musyrik dan tindakan sebahagian kaum muslimin yang melarikan diri dari peperangan." Maka dia pun tampil ke medan perang, sehinggalah dia mati terbunuh sebagai syahid dan darahnya mengalir dengan deras ke permukaan bumi.

Rasulullah SAW bertanyakan keadaan Sa'd RA: "Di manakah Sa'd bin Rabi'?"

Para sahabat menjawab: "Kami tidak tahu, wahai Rasulullah."

Baginda bersabda: "Wahai Zaid bin Thabit, carilah Sa'd bin Rabi'?"

Zaid RA berkata: "Aku pun mencarinya. Tiba-tiba aku menemukannya dalam keadaan terbaring dalam sebuah lubang dan lubang tersebut telah dipenuhi oleh darahnya. Ketika itu dia dalam keadaan sakaratul maut seakan-akan ingin mengucapkan selamat tinggal kepada dunia dan menghadapi hidup baru di akhirat. Seakan dia melihat istana megah, taman bunga yang indah, sungai-sungai mengalir di syurga sedang membayanginya. Apatah lagi dia akan bercakap dengan Tuhan. Alangkah bahagiannya Sa'd! Walau bagaimanapun, ketika itu dia masih hidup dan masih boleh bercakap-cakap meskipun dengan suara yang terputus-putus."

Zaid R.Anhuma berkata kepadanya: "Bagaimanakah keadaanmu, wahai Sa'd?"

Dia hanya menjawab: "Wahai zaid, sampaikan salamku kepada Rasulullah. Dan tolong katakan kepadanya, semoga Baginda menerima balasan dari Allah atas jasa-jasanya kepada kami dengan balasan yang terbaik. Kami bersaksi bahawa apa-apa yang telah Allah janjikan kepada kami telah kami dapatkan." Kemudian dia tersenyum dan menghembuskan nafasnya yang terakhir. (Sirah Ibn Hisyam, 2/94)